

Rasuah dan kegagalan pentadbiran

Imej PM gagal tutup realiti kotor

KUALA LUMPUR: Timbalan Presiden KeADILan Dr Syed Husin Ali menyifatkan imej Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi lebih baik daripada realiti di sekeliling pemimpin nombor satu negara itu sendiri.

Menurut beliau, antara realiti kotor di sekeliling Abdullah adalah rasuah yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan yang melibatkan ahli keluarga Abdullah sendiri.

Suara Keadilan isu 77 menyiarkan berita penguasaan syarikat

Singapura terhadap kepentingan strategik negara hasil rundingan perniagaan melibatkan menantu Abdullah, Khairy Jamaluddin.

Kata Syed Husin lagi, Abdullah digambarkan sebagai seorang yang berpegang kepada agama namun perbuatan beliau dilihat sebaliknya.

"Saya tidak mahu mempersoalkan hubungannya dengan Allah, amalannya, solatnya atau puasanya. Tetapi dalam urusan pemerintahan, banyak sekali nilai-nilai asas Islam

yang dilanggar Abdullah.

"Adakah amalan rasuah dan membenarkan ia berlaku di bawah hidung sendiri mengikut nilai Islam? Adakah terus menahan orang bertahun-tahun di bawah ISA tanpa terbukti kesalahannya dan tidak dibawa ke hadapan pengadilan sesuai dengan ajaran Islam?," soal Syed Husin.

Beliau menegaskan Abdullah juga gagal mentadbir negara kerana kehidupan rakyat Malaysia terutamanya yang berpendapat rendah

semakin terhimpit kerana kenaikan harga barang dan inflasi.

"Semua barang naik bahkan sekarang ini rawatan kesihatan juga mahu diswastakan, sungai diswastakan, tarif air dan elektrik dinaikkan, tambang bas naik, rumah dirobohkan tanpa pampasan.

"Apakah ini semua menunjukkan Abdullah seorang yang berjaya?" soal beliau sinis.

"Itulah sebabnya saya katakan bila kita lihat dengan teliti, imej dan realiti Abdullah bertentangan, bah-

kan kadang-kadang jauh umpama langit dengan bumi," kata beliau.

Menurut Syed Husin, imej baik Abdullah itu hasil penguasaan media yang hampir seratus peratus dikuasai kerajaan.

"Media yang dicengkam pemerintah ini berperanan menggelapkan isu atau perkara yang tidak memberi kebaikan kepada Abdullah.

"Media ini juga membesarkan hal-hal remeh yang mendatangkan faedah politik kepada Abdullah," ujarnya.

Suara Keadilan - 2-16/3/2006